

SH ISFOLIO MLE TS

## UMT cadang terus anjur karnival kesihatan

KUALA TERENGGANU - Pusat Kesihatan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bercadang untuk terus mengadakan karnival kesihatan yang diadakan tahun lalu berikutan ia mendapat maklum balas baik daripada penuntut UMT sendiri.

Pengarahnya, Dr Arnie A Rahim berkata, sepanjang tahun lalu kempen derma darah, program kesihatan dan ceramah mengenai kulit yang dianjurkan mendapat sambutan membangangkan daripada penuntut.

**Dapatkan  
berita terkini  
& berita edisi  
secara online**

[www.sinarharian.com.my](http://www.sinarharian.com.my)



66 Pada masa sama, ceramah mengenai kulit dapat memberi jalan penyelesaian kepada penuntut yang mempunyai masalah kulit berjerawat, alahan, panau dan sebagainya."

- Dr Arnie A Rahim

"Ramai penuntut yang menyertai program itu meminta ia diteruskan kerana mereka seronok menyertainya selain banyak perkara bermanfaat dapat dipelajari.

"Menerusi program kempen derma darah, penuntut berpeluang memberi sumbangan kepada masyarakat yang memerlukan," katanya kepada Sinar Harian.

Menurutnya, minat penuntut terhadap program ceramah kesihatan seperti ceramah kulit pula menunjukkan penuntut peka dengan perubahan diri mereka.

"Pada masa sama, ceramah mengenai kulit dapat memberi jalan penyelesaian kepada penuntut yang mempunyai masalah kulit berjerawat, alahan, panau dan sebagainya," katanya.